KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PUP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

**19 OGOS 2021 (KHAMIS)**

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 19 OGOS 2021 (KHAMIS)

BH BeritaHarian

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 16

Penularan COVID-19

# Mohon operasi guna sistem CIMS

## Premis niaga negeri Fasa 2 tak perlu tunggu keputusan KPDNHEP

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Subsektor perdagangan pengedaran di negeri Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) boleh beroperasi semula walaupun belum mencapai kadar vaksinasi lengkap 50 peratus populasi dewasa di negeri berkenaan.

Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam kenyataan semalam, memaklumkan negeri kini dalam fasa berkenaan adalah Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sabah.

"Pemilik premis perlu membuat permohonan kebenaran beroperasi melalui sistem 'Centralised Information Management System' (CIMS).

"Bagaimanapun, pengusaha industri dan pemilik premis boleh beroperasi tanpa perlu menunggu keputusan KPDNHEP, namun semua bukti permohonan melalui CIMS hendaklah disimpan untuk dijadikan bukti bila diperlukan," kata KPDNHEP.

Dalam pada itu, KPDNHEP turut memaklumkan, semua syarikat bawah sektor perdagangan pengedaran yang dibenarkan beroperasi semula tidak perlu mengemukakan maklumat pekerja yang sudah mendapat vaksin lengkap.

"Namun, pemilik premis perniagaan perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis menunjukkan sijil digital vaksinasi COVID-19 bagi membuktikan sudah menerima vaksinasi lengkap, iaitu dua dos bagi suntikan Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac serta sudah melepasi tempoh matang, iaitu hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua.

"Bagi vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan seperti Johnson & Johnson dan CanSino, individu berkenaan mestilah sudah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan," katanya.

> Bagaimanapun, pengusaha industri dan pemilik premis boleh beroperasi tanpa perlu menunggu keputusan KPDNHEP, namun semua bukti permohonan melalui CIMS hendaklah disimpan untuk dijadikan bukti bila diperlukan
>
> *Kenyataan KPDNHEP*

Kelonggaran pembukaan semula 22 subsektor perdagangan dan pengedaran berkuat kuasa Isnin lalu dengan 11 subsektor diberi kelonggaran kepada negeri Fasa 2 dan Fasa 1 PPN.

Ia termasuk kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi, kedai barangan terpakai, kedai bunga dan nurseri, kedai kraftangan dan cenderahati, kedai antik, kedai alat permainan, kedai permaidani, kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif, kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi serta kedai peralatan outdoor (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lain-lain) bagi negeri Fasa 2 PPN.

Kelonggaran bagi negeri Fasa 1 PPN pula ialah kedai cuci kereta, kedai elektrik dan elektronik, kedai barangan rumah dan peralatan dapur, kedai perabot dan kedai peralatan sukan.

Enam lagi subsektor ialah kedai aksesori kereta, pusat pengedaran dan jualan kereta, pasar pagi dan pasar tani, kedai pakaian, fesyen dan aksesori, kedai barang kemas dan kedai gunting rambut serta salun kecantikan (bagi perkhidmatan gunting rambut asas sahaja).

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 6

Pemilik, pengusaha aktiviti ekonomi diarah patuh arahan

# Terima pelanggan ada sijil vaksinasi sahaja

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan semua 22 sub-sektor perdagangan dan pengedaran yang dibenarkan beroperasi di bawah fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa 16 Ogos lalu, mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

KPDNHEP menerusi kenyataan akhbar memaklumkan selaras dengan pembukaan semula sub-sektor tersebut, semua pemilik premis perniagaan perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis menunjukkan sijil digital vaksinasi Covid-19.

Katanya lagi, ini bagi membuktikan individu tersebut telah menerima vaksinasi lengkap iaitu telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua bagi vaksin dua dos atau mesti telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan jika menerima vaksin satu dos.

"Semua syarikat di bawah sektor perdagangan pengedaran yang dibenarkan beroperasi semula tidak perlu mengemukakan maklumat pekerja yang telah mendapat vaksin lengkap untuk beroperasi," katanya semalam.




**PEKERJA restoran warga asing menunjukkan sijil digital vaksinasi Covid-19 di sebuah restoran di Seksyen 7, Shah Alam kelmarin.**

Sementara itu, KPDNHEP berkata, bagi sub-sektor perdagangan pengedaran di negeri-negeri di bawah Fasa 2 PPN meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sabah, boleh beroperasi semula tanpa perlu mencapai kadar vaksinasi lengkap 50 peratus populasi dewasa di negeri berkenaan.

"Pemilik premis perlu membuat permohonan kebenaran beroperasi melalui sistem *Centralised Information Management System* (CIMS) di pautan *https://notification.miti.gov.my/login*.

"Bagaimanapun, pemain industri dan pemilik premis boleh beroperasi tanpa perlu menunggu kelulusan daripada KPDNHEP dengan semua bukti permohonan melalui CIMS hendaklah disimpan bila diperlukan," ujarnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 12

# Boleh beroperasi tanpa capai 50 peratus dewasa lengkap vaksin

**PUTRAJAYA** - Semua subsektor perdagangan dan pengedaran di negeri-negeri fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) dibenarkan beroperasi semula walaupun belum mencapai tahap imunisasi lengkap 50 peratus populasi dewasa.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan pada Rabu berkata, negeri terbabit adalah Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Sabah.

"Pemain industri dan pemilik premis boleh beroperasi tanpa perlu menunggu kelulusan daripada KPDNHEP. Semua bukti permohonan melalui CIMS (*Centralised Information Management System*) hendaklah disimpan untuk dijadikan bukti apabila diperlukan," menurut kenyataan itu.

Pemilik premis perlu membuat permohonan kebenaran beroperasi melalui sistem CIMS di pautan *https://notification.miti.gov.my/login*.

Pada Ahad, kerajaan membenarkan 11 jenis aktiviti ekonomi dalam sektor perdagangan dan pengedaran kembali beroperasi berkuat kuasa 16 Ogos.

Antara aktiviti ekonomi berkenaan adalah kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi; kedai barangan terpakai; kedai bunga dan nurseri; kedai kraftangan dan cenderahati; kedai antik; kedai alat permainan; kedai permaidani serta kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif.

Menurut KPDNHEP, semua syarikat terbabit tidak perlu mengemukakan maklumat pekerja yang telah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19.

KPDNHEP menegaskan pemilik premis yang tersenarai dalam perniagaan boleh beroperasi semula perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis menunjukkan sijil digital vaksinasi Covid-19 bagi membuktikan individu berkenaan telah menerima vaksinasi lengkap.

"Menurut KPDNHEP, bagi vaksin Pfizer-BioNTech, AstraZeneca dan Sinovac, individu berkenaan perlu melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua manakala bagi vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan seperti Johnson&Johnson dan CanSino pula perlu melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan. - *Bernama*

TheStar

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 6

# More businesses in Phase 2 states allowed to operate

**PUTRAJAYA:** All trade and distribution sub-sectors in states under Phase Two of the National Recovery Plan (NRP) can resume operations even if the number of fully vaccinated individuals in those states has yet to reach 50% of the adult population.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said the states involved are Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Penang and Sabah.

"Industry players and premises owners can operate without having to wait for approval from the ministry. All proof of application through CIMS must be kept to be presented when needed," it said in a statement yesterday.

"Premises owners need to apply for permission to operate through the Centralised Information Management System (CIMS) via *https://notification.miti.gov.my/login.*"

Caretaker Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on Sunday announced that 11 types of business activities in the trade and distribution sectors in the Phase 2 states could resume operations effective Aug 16.

Among them are photography shops and services, shops selling second-hand items, florists and nurseries, handicraft and souvenir shops, antique shops, toy stores, carpet shops and creative content and creative industry equipment stores.

The ministry said all of the companies involved do not need to submit details of employees who have completed their Covid-19 vaccine shots.

It stressed that premises owners listed as trade companies that could resume operations must ensure customers who enter their premises show their digital Covid-19 vaccination certificate as proof.

It also said for Pfizer-BioNTech, AstraZeneca and Sinovac vaccine recipients, the individual must have passed the 14th day from the date of the second dose, while recipients of vaccines that require only one dose such as Johnson & Johnson and CanSino are allowed only after the 28th day. — Bernama




**Home improvement:** A customer looking for parts at an electrical and electronic shop in Jalan Pasar, Kuala Lumpur, after the sector was allowed to resume under Phase One of the National Recovery Plan. — AZMAN GHANI/The Star

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 3

theSun

# No need to wait for approval

**PUTRAJAYA:** All trade and distribution sub-sectors in states under Phase 2 of the National Recovery Plan can resume operations even if the number of fully vaccinated individuals in those states has yet to reach 50% of the adult population.

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry said in a statement that the states involved are Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Penang and Sabah.

"Industry players and premises owners can operate without having to wait for approval from the ministry. All proof of application through CIMS (Centralised Information Management System) must be kept to be presented when needed," it said.

Applications can be made through CIMS via https://notification.miti.gov.my/login.

Caretaker prime minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on Sunday announced that 11 types of business activities will be allowed in Phase 2 states effective Monday.

The ministry said the companies involved do not need to submit details of employees who have completed their vaccination. However, they must ensure visitors who enter their premises show their digital vaccination certificates.

For Pfizer-BioNTech, AstraZeneca and Sinovac vaccines, the individual must have received the second dose at least 14 days prior, while recipients of vaccines that require only one dose such as Johnson & Johnson and CanSino are allowed entry only after the 28th day. – Bernama

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 14



**Senarai Harga Barang Keperluan**

| | |
|---|---|
| Ayam | **RM6.90** |
| Daging Lembu Tempatan | **RM35** |
| Daging Lembu Import | **RM25.83** |
| Telur Gred A | **RM11.90** |
| Ikan Kembung | **RM15.90** |
| Minyak Masak | **RM6.50** |
| Gula Pasir | **RM2.85** |
| Bawang Besar Holland | **RM2.80** |
| Bawang Putih | **RM6.90** |
| Cili Merah | **RM7.99** |
| Kubis Bulat Tempatan | **RM3.49** |
| Tepung Gandum | **RM2.25** |

***Harga (RM/kg)*** Sumber: KPDNHEP

theSun

HARI : KHAMIS
TARIKH : 19/08/2021
M/SURAT : 4

## PETROL, DIESEL PRICES UNCHANGED

KUALA LUMPUR: The retail prices of RON97 and RON95 petrol as well as diesel will remain unchanged at RM2.74, RM2.05 and RM2.15 per litre respectively for the Aug 19-25 period. The Finance Ministry, in a statement yesterday, said the prices were set based on the weekly retail prices of petroleum products using the automatic pricing mechanism. "To protect consumers from the effect of the actual price increase of oil on the global market, the government has maintained RON95 at the ceiling price of RM2.05 per litre and diesel at RM2.15 per litre, although the actual market prices for both products have exceeded the ceiling price set," it said. – Bernama